

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]
TARIKH : 14 MAC 2016
SOALAN :

YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengiktiraf internship setahun yang telah dijalani oleh pelajar perubatan kita di India; dan
- b) sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Majlis Perubatan Malaysia, tidak bercadang untuk mengiktiraf internship di India.

Untuk maklumat Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan, ini adalah kerana latihan intenship di India merupakan sebahagian daripada kurikulum klinikal program perubatan di mana, hanya setelah melengkapkan latihan

tersebut barulah pelajar perubatan layak untuk bergraduan dan menerima ijazah perubatan.

Ini adalah berbeza daripada latihan internship atau housemanship di Malaysia di mana hanya pengamal perubatan yang telah bergraduan dan telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia sahaja yang layak untuk menjalaninya. Tambahan lagi latihan housemanship di Malaysia adalah bertujuan untuk menilai dan menambahbaik pengetahuan klinikal pengamal perubatan sebelum mereka berdaftar penuh.